

UUM lahir 69 graduan sulung Kemboja

SINTOK 1 Sept. — Konvo- kesyen Universiti Utara Malaysia (UUM) kali ke-14 hari ini turut melahirkan sebanyak 69 graduan sulung sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dari Kemboja.

Graduan yang dihasilkan melalui program kerja- sama antara UUM dengan National Institute of Man- agement (NIM), Kemboja itu dikendalikan di Phnom Penh mulai Mac tahun la- lu.

Seorang daripada mere- ka yang ditemui, Yim Chea, 31, berkata, beliau gembira kerana berjaya menamatkan pengajian- nya dengan salah sebuah universiti di negara ini.

Katanya, antara sebab yang mendorong beliau memilih UUM untuk me- nyambung pelajarannya ialah berdasarkan kejaya- an cemerlang yang dicapai oleh Malaysia.

"Malaysia adalah sebuah negara yang dikagumi di rantau ini dan kerjasama yang terjalin memberi pe- luang untuk kami mempe- lajari melalui cara Malay- sia," katanya ketika dite- mui.

Rakannya, Khim Rady,



GRADUAN sulung pelajar dari Kemboja yang mengikuti program sarjana pentadbiran perniagaan yang menerima ijazah di majlis Konvoquesyen UUM ke-14 di Sintok semalam.

30, pula berpendapat, prog- ram usaha sama itu mem- beri banyak kebaikan ke- pada rakyat Kemboja yang berminat mendalami ilmu pengetahuan.

"Program pendidikan us- aha sama ini merupakan satu pendekatan yang baik dan sepatutnya lebih ba-

nyak kursus perlu ditawar- kan," katanya.

Beliau yang gembira de- ngan kejayaannya itu me- ngakui, sikap dedikasi yang sentiasa ditunjukkan oleh para pensyarah UUM bukan sahaja menarik mi- natnya tetapi juga membe- ri peluang kepadanya me-

ngenali negara ini dengan lebih dekat.

Selain itu, UUM juga menghasilkan 59 graduan sulung Sarjana Muda Pe- ngurusan Perniagaan de- ngan Kepujian melalui pro- gram usaha sama dengan tiga kolej swasta iaitu Ko- lej Yayasan Melaka, Kolej

Ikram dan Institut Pujang- ga.

Seramai 3,777 graduan menerima ijazah masing- masing meliputi ijazah sar- jana muda, sarjana dan doktor falsafah (PhD) se- panjang majlis yang diba- hagikan kepada empat sesi itu.

curm/6453/mm/02.09.2001/P:16(3)